

**RENUNGAN :**

" Dan kalau kamu hitung nikmat Allah, niscaya tidak dapat kamu menghitungnya." (An-Nahl ayat 18)

**PENGUMUMAN :  
CERAMAH MAAL  
HIJRAH**

**16 MAC 2004 (Selasa)**  
11.00-12.00 pagi (Surau JPBD)  
**PENCERAMAH:**  
Ust. Mahyidin bin Hj. Abdul Aziz  
JAWI, Kuala Lumpur.

**KANDUNGAN :**

**SUMBANGAN PEMBACA**

AMALAN YANG BOLEH  
MEMBAWA KEPAPAAAN...

SELAWAT KE ATAS NABI..  
halaman 2

PETIKAN ANTARABANGSA  
Finding a Home in Islam  
halaman 3

TOKOH ULAMA : TOK  
KENALI....

KERJA SEBAGAI IBADAH  
halaman 4

**SIDANG PENGARANG**

**Penaung :**

Dato' Haji Abd. Mutallib bin Jelani

**Pensihat :**

Dato' Haji Zainul bin Ayub

**Ketua Pengarang :**

En. Mohd. Ali bin Abu Bakar

**Editor :**

En. Abd. Majid bin Ahmad

**Pengarang :**

En. Mustafa Bakri Hj. Alias Sani  
En. Mustafa bin Ramli

**Ingin Menyumbang Penulisan?  
Pandangan dan Komen?**

Kami amat mengalu-alukan pandangan dan sumbangan tulisan anda. Sebarang sumbangan dan pandangan boleh disalurkan kepada:

Mustafa Bakri Hj. Alias Sani  
[bakrias@townplan.gov.my](mailto:bakrias@townplan.gov.my)

Mustafa bin Ramli  
[mustafar@townplan.gov.my](mailto:mustafar@townplan.gov.my)

**DARI MEJA PENGARANG**



Assalamualaikum w.b.t..

Alhamdulillah, keluaran yang pertama mendapat sambutan dan maklumbalas yang menggalakkan. Ramai yang mula menghantar artikel atau sumber-sumber yang bermanfaat. Namun tidak semuanya akan disiarkan. Ini kerana penulis perlu menyemak sumber rujukan yang dinyatakan dan akan disiarkan mengikut kesesuaian atau keperluan.

Kepada yang telah berbesar hati menyumbang kepada makalah ini, penulis ucapkan jutaan terima kasih. Dan kepada yang ingin menyumbang, penulis galakkan agar dinyatakan sumber yang tepat seperti rujukan hadis atau buku terbitan yang dipetik.

Ada juga yang tertanya-tanya, Makalah apa ni? Bila terbit? Di mana boleh didapatkan? Kenapa kami tak tahu pun?...

Jawapannya senang... rajin-rajinlah turun ke surau kita (Ibu Pejabat), terutamanya ketika majlis bacaan Yassin pada setiap hari Jumaat jam 8.15 pagi. Ingat! Turun, jangan tak turun.

Wallahualam....

Ps. Versi Internet boleh dimuat turun dari laman web Jabatan, Bahagian Berita

**IMAN DAN HIJRAH**



Iman menjadi titik tolak untuk berhijrah. Hijrah pula merupakan suatu ujian kepada kekuatan iman, yang kelak akan menghasilkan jihad ke jalan Allah, dan menerusi jihad pula akan menjamin kejayaan di dalam perjuangan menegakkan masyarakat Islam.

Firman Allah dalam surah At Taubah ayat 20, yang bermaksud;

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (yakni daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang-orang memakmurkan masjid sahaja), dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."

**JADUAL WAKTU SOLAT BAGI KUALA LUMPUR  
BULAN MAC**

TARIKH	1	6	11	16	21	26	31
SUBUH	6.08	6.06	6.05	6.03	6.01	5.59	5.57
SYURUK	7.24	7.23	7.21	7.19	7.17	7.15	7.16
ZOHOR	13.14	13.13	13.13	13.13	13.13	13.13	13.14
ASAR	16.42	16.39	16.36	16.32	16.27	16.22	16.21
MAGHRIB	19.28	19.28	19.27	19.26	19.25	19.24	19.23
ISYA'	20.38	20.37	20.36	20.35	20.34	20.33	20.32
IMSAK	5.58	5.56	5.55	5.53	5.51	5.49	5.47

**AMALAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPAPAAAN**

Sumbangan : [roziyahs@townplan.gov.my](mailto:roziyahs@townplan.gov.my)

1. Tidur di dalam keadaan bertelanjang (yakni tidak memakai apa-apa).
2. Makan dan minum di dalam keadaan berjunub (belum mandi junub).
3. Memudahkan setiap makanan yang tumpah di atas saprah.
4. Bakar kulit bawang merah dan putih.
5. Berjalan di hadapan orang tua-tua tanpa menghormatinya.
6. Menyapu sampah pada waktu malam.
7. Memanggil kedua ibu bapa dengan nama masing-masing .
8. Membiarkan sampah di dalam rumah (berselerak).
9. Bersegera keluar dari masjid selepas daripada sembahyang subuh berjemaah.
10. Pagi-pagi duduk di kedai (pergi awal-awal) dan pulang dari kedai lambat-lambat (semua jenis kedai).
11. Membiarkan bekas-bekas hidangan sentiasa terbuka.
12. Menghembus setiap api dengan mulut.
13. Menyikat rambut dengan sikat yang patah.
14. Ibu bapa yang mendoakan anak-anaknya dengan kecelakaan.
15. Tidak mendoakan kedua ibu bapa dengan kebajikan.
16. Memakai serban dalam keadaan duduk.
17. Makan sesuatu dalam keadaan dalam tidur mengiring.
18. Mencelek gigi dengan segala jenis kayu (selain kayu dibenarkan).
19. Basuh kedua tangan dengan segala jenis selut dan tanah (dengan sengaja dan tidak ada sebab).
20. Duduk dibendul (muka pintu rumah).
21. Mengambil air sembahyang (wuduk) di dalam tandas.
22. Menjahit kain yang koyak di atas tubuh sendiri.
23. Membiarkan rumah bersawang dan bersarang labah-labah.
24. Bakhil,kikir dan kedekut.

Sumber: **Kitab Pelita Penuntut ;**

Terjemahan daripada kitab **Taklimul Taklim Thariqul Muta'alim.**

Garapan Syeikh Mohd Shafei Bin Abdullah Alfatahmi,muka surat 56.

**SELAWAT KE ATAS NABI**

Sumbangan : [zulkarnainn@townplan.gov.my](mailto:zulkarnainn@townplan.gov.my)

Berkata Al-Barra` r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

*"Segala doa itu terdinding (terhalang untuk dikabulkan) daripada langit sehingga orang yang berdoa itu mengucapkan selawat untuk Muhammad dan keluarga Muhammad."*

*"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi rahmat) kepada Nabi s.a.w. (oleh kerana itu) wahi orang-orang yang beriman berselawatlah kamu (meminta rahmat) untuk Nabi s.a.w dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan terhadapnya."*

(al-Ahzab 56)

Bersumberkan daripada At Taiyimi katanya,

*"Apabila mereka berselawat ke atas Nabi s.a.w. maka para malaikat pun turut berselawat bersama mereka sehinggalah mereka selesai berselawat."*

Ingatlah :

"Orang yang **bakhil** lagi kedekut adalah orang yang berat lidahnya untuk membaca **selawat** keatas junjungan Rasulullah s.a.w."

**MAKLUMAN****SELAMAT KEMBALI...**

Tahniah dan selamat kembali kepada jemaah haji yang baru pulang dari Tanah Suci Makkah, terutamanya warga JPBD yang berkesempatan menunaikan ibadah haji pada musim yang lalu iaitu:



Haji Ismail bin Idris  
Hajjah Mastura Lope Ahmad  
– Pejabat Projek Alor Setar

Hajjah Nakhirah bt. Ibrahim  
-Bahagian Khidmat Pengurusan

Semoga diberkati Allah dengan Haji yang Mabru.

**AL-FATIHAH...**

Dimaklumkan bahawa Allahyarham En. Omar bin Ismail, Juruteknik Kanan JPBD di URP Negeri Terengganu, telah kembali ke Rahmatullah pada 18 Februari 2004.

Dimaklumkan juga bahawa ibu kepada Puan Rokiah binti Ahmad, Pembantu Tadbir N17 dari Unit Pentadbiran Am, Bahagian Khidmat Pengurusan telah kembali ke Rahmatullah pada 14 Februari 2004.

Moga Allah mencucuri Rahmat ke atas roh mereka. Amin...



## Finding a Home in Islam

7/23/2003 - Social Youth - Article Ref: WE0307-2023

Number of comments: 26

By: Abe Levy

Wichita Eagle\* -

The days of Damian Williams running with his fellow rappers, pursuing fame, Women and a hip-hop image are over. The 26-year-old turned in baggy jeans for long robes around the house. He sports a curly beard and is studying Arabic with his wife so they can read the Quran together.

Williams, who now goes by Shaheed, is a convert to Islam. Now, he speaks periodically at the Muslim Community Center in North Wichita as one of an estimated 5,000 Muslims in the Wichita area.

His discovery of Islam started with his childhood comic book collection, he said.

A fan of the "X-Men," Williams learned of the character "Thor," the god of thunder from Norse mythology. It expanded his view of the world and religions beyond his Sunday school and youth group upbringing at St. Paul AME Church in Wichita.

When he was in high school, a member told him about an Old Testament verse that prohibited eating pork. It surprised Williams and made him more curious about the Bible. Later, he found verses about honoring the Sabbath, which he also didn't think Christians observed. By mid-high school, he told his father he would no longer go to church. He was an agnostic. His passion became the Flatland Brigade, a local group of about eight rappers, who performed at parties. There was drinking, carousing and talk of pimping. The lifestyle smacked of arrogance, he said.

"I despise that behavior," he said. "That's not being a man. They think it's being in a gang or having a gun or going to prison or mistreating a woman."

Williams' older brother told him about the Nation of Islam, a controversial movement of some African-American Muslims. Williams never joined. A fellow rapper who had converted to orthodox Islam talked to Williams about the faith. Williams began to study Islam seriously and was soon persuaded by its teaching that there is one God to whom he could pray without a mediator.

He admired the closeness among brothers and sisters of Islam despite their national and cultural differences. It was a religion of structure that he knew he needed. It taught obedience and submission to God and his law. And he was persuaded by Islam's teaching that people ought to be accountable to God for their actions. The Christian idea of Christ bearing sins on people's behalf, he said, weakened personal accountability.

"There's no free ride," he said of Islam, unlike Christianity's teachings on grace and sin. For weeks, Williams' friend would ask if he was ready to accept Islam. Finally, in 1996, at age 19, Williams met with an imam, a Muslim leader. After speaking with him, Williams recited the "shahada," a statement of faith that is the first step in accepting Islam:

"I bear witness that there is no God but Allah, and I bear witness that Muhammad is the messenger of Allah."

The room full of men now became a room of brothers who came up one by one to hug and congratulate him. He took a bath when he returned home as is customary for new converts. Still, it would take another three years, he said, before his new faith took hold of his life.

"I just got fed up with feeling regret with the way my life was going," he said. "You never know which day is going to be your last."

He listened to more sermons on tape, read books and attended services at the mosque, sometimes staying there overnight to pray and meditate. As a Muslim, he knew promiscuity was wrong and wanted to marry and start a family. He followed traditional Islamic customs in seeking out a wife. He spoke with several women about marriage, including a former co-worker, Nicole Childers, who was often at parties where he rapped.

She had also converted to Islam from Christianity the year after he had. He proposed to her on a Tuesday and on Saturday they were married. She had accepted his dowry of \$200, a silver necklace that said "Allah" on it and fragrant oil, among other gifts. During the five-minute ceremony, no rings were exchanged. She stood in a room nearby within earshot of the imam and her future husband.

Today, they have three children, ages 3, 2 and six months. Williams works as a water meter reader for the city of Wichita. The hip-hop life is gone. A bookcase full of Islamic teachings and the Quran are his focus these days.

"To me, Islam has the answer to racism, discrimination, feminism, abortion, high murder rates and drug selling," he said, "because it's trying to show human beings how to live their lives right."

Source: [Wichita Eagle](#)

[http://www.islamicity.com/global/images/photo/People/rapper\\_ic%5B152x175%5D.JPG](http://www.islamicity.com/global/images/photo/People/rapper_ic%5B152x175%5D.JPG)



## HAJI MOHD. YUSOFF AHMAD

1870 - 1933

Tokoh Ulama Kelantan paling masyhur, malah termasuk antara ulama besar Semenanjung Melayu. Sezaman dengan Tuan Husein Kedah, Pak Wan Sulaiman (Syeikhul Islam Kedah ) Haji Abdullah Fahim (Mufti Pulau Pinang) , Haji Abu Bakar Alim (Muar) , Haji Mat Shafie Losong Guru Pondok yang sangat dihormati bahkan hingga sekarang pun namanya masih menjadi bahan dan discout ramai.

Nama sebenar tokoh pendidik yang dilahirkan di Kg. Kenali , Kubang Kerian , Kota Bharu pada 1287H/1870M ini ialah Haji Mohd Yusoff Ahmad. Menuntut di Makkah selama 22 tahun (1305H - 1327H). Sangat alim dalam ilmu Tatabahasa Arab (nahu/soraf) malahan beliaulah yang merintis kemasukkan mata pelajaran ini ke dalam kurikulum pengajian pondok (sebelum itu, tertumpu pada usuluddin, fiqh dan tasawuf sahaja).

Walaupun Tok Kenali tidak meninggalkan karya tulis yang besar seperti Tuan Padang, Tuan Tabal dan Tok Wan Ali Kutan, namun beliau berjaya melahirkan satu angkatan ulama pelapis yang paling berwibawa - bukan sahaja di Negeri Kelantan tetapi juga di luar Negeri Kelantan. Antara murid-muridnya termasuklah Hj. Mat Jebeng, Hj. Che Mat Padang Mengkali, Lebai Deraman Pasir Mas, Hj. Seman Sering (Syeikh Osman Jalaluddin al-Kalantani), Hj. Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Abdul Kadir Melor, Haji Abdul Tahir Bunut Payong, Hj. Yusof Padang Bemban, Haji Ismail Perol, Dato' Haji Ismail Yusoff, Haji Abdul Rahman Lubok Tapah, Hj. Hasbullah Bot dan Haji Wan Abdul Latif Jerteh, Hj. Zainal Abidin Dungun, Dato' Haji Hassan Yunus al-Azhari (Bekas Menteri Besar Johor), Dato' Haji Abdul Rahim Yunus Bongek Rembau, Syeikh Mohd Idris al-Marbawi al-Azhari Kuala Kangsar, Haji Osman Bukit Besar, Haji Abdullah Abbas Nasution Jitra, Hj. Bahauddin Sumatera Jeneri, Haji Hassan Lampung, Haji Yaakub Legor dan Tok Lata (Pattani).

Di samping itu dua orang putera Tok Kenali sendiri - Tuan Guru Hj. Ahmad dan Syeikh Mohd Salleh Kenali (menetap di Makkah) - juga tergolong ulama dan pendakwah yang berjaya besar. Panggilan ramai pada masa itu bahawa Kelantan sebagai "Serambi Mekah" adalah berkait rapat kehebatan dan kemasyhuran nama Tok Kenali.

Tok Kenali kembali ke rahmatullah di kediamannya pada pukul 7.30 pagi Ahad 2 Syaaban 1352 bertepatan 19 November 1933 dan dikebumikan di Kubang Kerian.

## KERJA SEBAGAI IBADAH - SIRI 1

### 1.0 MUQADDIMAH

- 1.1 Kalimah Ibadah dengan pelbagai pecahannya terdapat di dalam Al-Quran sebanyak 287 kali.
- 1.2 Manakala kalimah kerja (Amal) dengan pelbagai pecahannya pula terdapat di dalam Al-Quran sebanyak 359 kali.
- 1.3 Dari penekanan kedua-dua kenyataan di atas menunjukkan kepentingan ibadat dan kerja di dalam kehidupan seseorang manusia.
- 1.4 Nilai manusia di sisi Allah berdasarkan sejauh mana takwa dan ibadatnya, manakala di sisi masyarakat pula berdasarkan kecemerlangan kerjayanya.
- 1.5 Kepentingan dan keutamaan ini telah dirakamkan oleh Allah di dalam Al-Quran di antaranya, di dalam surah At-Taubah ayat 105 yang bermaksud:

*"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

Dan Firma Allah lagi dalam surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi Amat Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*